

## RM200 SEBULAN TAMPUNG HIDUP

Wartawan Sinar Harian

1 Jun 2016



*Mohd Pauzi (tiga, kanan) diiringi Ahmad Tarmizi (dua, kanan) menyampaikan sumbangan kepada Norasyikin sempena Program Jejak Ramadan Kesukma MDL di Kampung Kemahang Tua, kelmarin.*

KEMAHANG TUA - Seorang balu, Norasyikin Abdul Samad, 39, dari Kampung Kemahang Tua, Benta di sini tabah menjalani kehidupan ditemani tiga anak selepas kematian suami, Ridzuan Jafar, 46, awal Mei lalu.

Norasyikin berkata, kesemua anaknya berusia antara 6 hingga 15 tahun itu masih bersekolah dan memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Menurutnya, dengan pendapatan sekitar RM200 sebulan sebagai pembantu di pasar malam menyebabkan hidup mereka ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

“Sebelum ini, arwah suami yang bekerja kampung menjadi tempat kami bergantung hidup khususnya untuk menyara persekolahan anak-anak.

“Namun sejak pemergian arwah, segala beban jatuh atas bahu saya,” katanya.

Norasyikin ditemui sempena lawatan dan penyampaian bantuan Jejak Ramadan Kelab Sukan dan Kebajikan (Kesukma) Majlis Daerah Lipis (MDL) di Kampung Kemahang Tua di sini, kelmarin.

Setiausaha MDL, Mohd Pauzi Abu Hussaini hadir menyampaikan sumbangan berbentuk barangan keperluan harian dan kelengkapan tidur kepada keluarga itu.

Hadir sama Penghulu Mukim Tanjung Besar, Ahmad Tarmizi Mohammed Yatim.

Menceritakan detik sebelum pemergian arwah suaminya, Norasyikin berkata, arwah suami sering menasihati anak-anak mereka untuk rajin belajar dan sentiasa membantu membuat kerja rumah.

Menurutnya, arwah suaminya juga sering berkata jika dia tiada nanti sekurang-kurangnya isteri dan anak-anak sudah memiliki rumah untuk berteduh.

“Walaupun rumah ini tidak sempurna dan arwah tidak dapat siapkan sepenuhnya, namun saya bersyukur kerana masih ada tempat untuk kami teruskan hidup.

“Arwah suami turut pernah menyatakan hasrat sambut hari raya di sini (Kampung Kemahang Tua) tetapi hajatnya tak kesampaian.

“Saya sendiri tak sangka perubahan yang berlaku pada diri arwah merupakan petanda yang dia akan pergi buat selamanya,” katanya.

Sementara itu, Mohd Pauzi berkata, pihaknya menyampaikan sumbangan berbentuk barangan keperluan harian dengan jumlah keseluruhan hampir RM3,000 kepada empat keluarga kurang bernasib baik.

Menurutnya, walaupun sumbangan yang diberikan tidak seberapa namun ia dapat mengurangkan beban keluarga berkenaan khususnya untuk menyambut Ramadan dan Syawal tidak lama lagi.

*Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/rm200-sebulan-tampung-hidup-1.527424>*